

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB
(TANJONG MANIS)**

TARIKH : 15 JULAI 2019

SOALAN :

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes-kes yang melibatkan najis dadah di kawasan Tanjong Manis. Nyatakan juga langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa melaksanakan program-program pendidikan pencegahan, operasi-operasi penguatkuasaan dan juga program-program rawatan pemulihan di semua kawasan dengan memberi fokus kepada kawasan-kawasan berisiko tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi kawasan Tanjong Manis, jumlah kes dadah dalam siasatan pihak PDRM adalah sebanyak empat (4) kes pemilikan dadah dan melibatkan (4) orang tangkapan. Manakala sebanyak 5 kes penagih dadah yang telah diambil tindakan dan di bawah pemantauan AADK di kawasan Tanjong Manis.

Selain daripada itu, sebanyak 5 program telah dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di kawasan Tanjong Manis yang melibatkan program pencegahan, rawatan dan penguatkuasaan di kawasan ini. Program-program tersebut merangkumi penglibatan komuniti, pihak sekolah, tempat kerja, lawatan sosial ke rumah-rumah OKP (Orang Kena Pengawasan) serta operasi penguatkuasaan. Jabatan dan agensi yang turut serta dalam melaksanakan program di Tanjong Manis seperti Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Jabatan Pendidikan Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kawasan Rukun Tetangga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]
TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 61

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) masih meneruskan pengecualian pembayaran balik kepada peminjam PTPTN yang mendapat keputusan cemerlang dan adakah PTPTN tidak bercadang memberi pengecualian pembayaran balik kepada golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai Januari 2019, dasar pengecualian bayaran balik kepada peminjam cemerlang (Kelas Pertama) diteruskan kepada peminjam berasal daripada keluarga golongan B40 dan M40.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kedudukan kewangan semasa, PTPTN tidak bercadang memberi pengecualian pembayaran balik kepada semua golongan B40, kecuali yang mendapat keputusan cemerlang (Kelas Pertama).

Sekian, terima kasih